

Ziarah kubur terbit keinsafan, taubat

Umat Islam perlu jaga adab, elak perbuatan jejas akidah



→
NIK SALIDA SUHAILA

Pensyarah Kanan
Fakulti Syariah dan
Undang-Undang
Universiti Sains
Islam Malaysia

Konsep saling menghormati sesama makhluk dalam agama Islam amat dititikberatkan, walaupun kepada mereka yang sudah meninggalkan dunia. Justeru, amalan menziarahi tanah perkuburan yang menjadi kelaziman adalah sesuatu yang baik untuk mengingatkan kita akan kematian.

Amalan sunnah Rasulullah

Lebih utama, menziarahi kubur adalah sunnah Rasulullah SAW. Walau sehebat mana pun kita, kubur memberi amaran dan peringatan supaya sentiasa bersedia dengan bekalan yang akan di bawa ke alam baru.

Allah SWT berfirman: *"Di mana saja kamu berada, kematian akan mendapatkan kamu (bila sampai ajal), sekalipun kamu berada dalam benteng yang tinggi lagi kukuh."* (Surah An-Nisa', ayat 78)

Bukan itu saja, tanah kubur tidaklah asing buat kita kerana asal usul kejadian kita adalah daripada tanah dan ke situ jugalah kita akan kembali. Amalan menziarahi tanah perkuburan, menghadihkan doa supaya roh diberi rahmat dan keampunan akan mudah dipertimbangkan Allah SWT.

Daripada Abi Hurairah, Rasulullah SAW bersabda: "Apabila seseorang manusia itu mati, akan terputuslah daripadanya segala amalannya melainkan tiga perkara: sedekah yang berterusan manfaatnya, ilmu yang dimanfaatkan, atau

anak salih yang mendoakan baginya."

Meskipun begitu, terdapat beberapa adab ziarah kubur yang tidak diendahkan segelintir umat Islam hari ini. Selain menjadikan ziarah kubur seakan satu 'kewajipan' pada perayaan seperti Aidilfitri dan Aidiladha saja, ada menjadikan kawasan kubur tempat pertemuan dengan sanak-saudara.

Mereka bertanya khabar, bergelak ketawa dan berborak panjang, seolah-olah lupa akan tempat yang dipijak. Ada juga yang tidak menutup aurat dengan sempurna sewaktu menziarahi kubur. Bagi setiap umat Islam, tiada istilah pakaian yang sopan sekiranya tidak menutup aurat.

Ada beranggapan, jika ke kubur cukuplah dengan mengenakan pakaian sopan walaupun tidak menutup aurat.

AL-QURAN

"Di mana saja kamu berada, kematian akan mendapatkan kamu (bila sampai ajal), sekalipun kamu berada dalam benteng yang tinggi lagi kukuh"

Surah An-Nisa' (ayat 78)

Berwuduk, niat ikhlas

Tanggapan itu bertentangan dengan prinsip dan tatacara pemakaian dalam Islam. Kunjungi kubur dengan berwuduk, niat ikhlas, menjadikan hati mudah menerima pengajaran mengenai kematian dan alam barzakh.

Menjaga kesantunan di tanah perkuburan tiada beza dengan menjaga adab sopan ketika berziarah ke rumah saudara atau tetangga. Jika kita mulakan sapaan dengan 'Assalamualaikum' ketika bertamu ke rumah orang, sunat lakukan yang sama ketika bertandang ke kubur.

Daripada Sulaiman bin Buraidah, daripada bapanya: "Sesungguhnya Rasulullah SAW mengajar mereka sekiranya menziarahi kubur supaya mengucapkan: Assalamualaikum, mudah-mudahan Allah melimpahkan salam sejahtera kepada kamu sekalian wahai penghuni kubur orang Mukminin dan Muslimin, dan sesungguhnya kami insya-Allah akan bertemu kamu, kami memohon kepada Allah keafiatan untuk kami dan bagi kamu juga." (Riwayat Muslim)



Berpakaian menutup aurat dituntut ketika menziarahi kubur.

GAMBAR HIASAN

Kunjungan ke tanah perkuburan bukanlah kunjungan biasa. Jika tiada keperluan membawa anak kecil, us ahlak pula kita membebaskan dengan mengendong mereka ke sana supaya urusan tidak terganggu.

Sikap luar biasa harus dielak

Begitu juga sikap 'luar biasa' di kubur iaitu mencium batu nisan, tanah kubur dan sebagainya seolah-olah mencium si mati. Ia harus dielakkan untuk menghindari perbuatan yang boleh menjejaskan akidah.

Disebabkan kekangan adab itu, wanita dimakruhkan menghantar jenazah ke kuburan. Berbanding lelaki, kebanyakan wanita mungkin lebih sukar mengawal perasaan, sedangkan meratapi kematian adalah dilarang keras.

Rasulullah SAW mengeluarkan orang yang suka meratapi kematian daripada golongan Muslimin. Sabda Rasulullah SAW: "Tidak termasuk golongan kami orang yang memukul pipinya, merobek bajunya atau berdoa dengan doa jahiliah." (Muttafaq alaih)

Diriwayatkan Anas, saat Rasulullah SAW melihat putera Baginda, Ibrahim meninggal dunia dan beliau sangat menyayanginya, maka air mata Baginda mengalir deras. Abdurrahman bin Auf bertanya: "Mengapa engkau menangis wahai Rasulullah? Baginda menjawab: "Wahai Ibnu Auf, ia adalah air mata rahmat. Kemudian Rasulullah SAW melanjutkan sabda: "Sesungguhnya mata itu dapat menitikkan air, hati dapat bersedih, dan kami tidak mengatakan sesuatu kecuali yang menyebabkan Tuhan kami reda. Kami sangat bersedih kerana berpisah denganmu, Ibrahim." (Muttafaq alaih)

Seboleh mungkin, ziarah ke kuburan biarlah dapat menanam rasa insaf dan taubat. Persediaan mental dan fizikal untuk bertandang ke 'kediaman istimewa' itu biarlah cukup dan lengkap.

Walaupun hanya menziarahi tanah kuburan, itu bukan alasan untuk tidak menghormati mereka di alam barzakh.